

INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE
(IJHPL)
www.ijhpl.com



KESEDARAN METAKOGNITIF DALAM KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA ARAB

METACOGNITIVE AWARENESS IN ARABIC LISTENING SKILLS

Harun Baharudin^{1*}, Nur Farahhuda Abdul Rahman²

¹ Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

² SM Sains Sultan Iskandar, Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia
Email: nurfarahhuda.master@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 13.05.2025

Published date: 15.06.2025

To cite this document:

Baharudin, H., & Abdul Rahman, N. F. (2025). Kesedaran Metakognitif dalam Kemahiran Mendengar Bahasa Arab. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 8 (30), 52-69.

DOI: 10.35631/IJHPL.830004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kesedaran metakognitif dalam kemahiran mendengar (*mahārah istīmā'*) menekankan dua elemen utama iaitu pengetahuan dan strategi metakognitif. Kesedaran ini memberikan sumbangan positif terhadap tahap pencapaian dalam pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab. Tahap kesedaran metakognitif turut mempengaruhi keterlibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran yang berkesan. Komponen-komponen metakognitif membantu pelajar memberi tumpuan kepada cara memproses input pendengaran dan mempertimbangkan pelbagai kaedah untuk mengurus proses kognitif mereka. Pendekatan metakognitif menyediakan pelajar dengan persekitaran pembelajaran sendiri yang dapat meningkatkan kesedaran serta pengetahuan untuk merancang, memantau, menilai, dan menyelesaikan masalah semasa pembelajaran. Kepercayaan sendiri dalam melaksanakan tugas pendengaran menjadi elemen penting dalam membantu pelajar menguruskan proses kognitif dengan lebih berkesan. Kesimpulannya, hipotesis kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah, iaitu kesedaran metakognitif dan kemahiran mendengar. Dapatan ini mengukuhkan andaian bahawa tahap kesedaran metakognitif yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Arab mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian kemahiran mendengar yang lebih cemerlang.

Kata Kunci:

Bahasa Arab; Kemahiran Mendengar; Kesedaran Metakognitif; Strategi Metakognitif; MALQ.

Abstract:

Metacognitive awareness in listening skills (mahārah istīmā') emphasized two main elements, namely metacognitive knowledge and metacognitive strategies. Metacognitive awareness contributed positively to the level of achievement in learning Arabic listening skills. The level of metacognitive awareness influenced students' active engagement in effective Arabic listening skill learning. Metacognitive components assisted students in focusing on the processing of auditory input and in considering various strategies to manage their cognitive processes. Metacognition provided students with a self-regulated learning environment that enhanced their awareness and knowledge in planning, monitoring, evaluating, and solving problems. Metacognitive awareness, such as the belief in one's ability to complete a task, became essential in helping students manage their cognitive processes effectively. In conclusion, the study hypothesized that there was a relationship between the two variables: metacognitive awareness and listening skills achievement, based on the assumption that a high level of metacognitive awareness in Arabic listening skills was associated with higher levels of listening achievement.

Keywords:

Arabic Language; Listening Skills; Metacognitive Awareness; Metacognitive Strategies; MALQ

Pengenalan

Kemahiran mendengar merupakan salah satu komponen asas dalam pemerolehan bahasa kedua atau asing, namun sering menjadi cabaran utama dalam kalangan pelajar. Hal ini disebabkan oleh sifatnya yang menuntut tumpuan yang tinggi serta usaha kognitif yang berterusan untuk menyahkod bunyi, memahami struktur linguistik, dan menyimpan maklumat dalam ingatan jangka pendek (Ahmadi et al., 2020; Wolf et al., 2019; Polat & Eristi, 2019; Öztürk, 2018). Dalam konteks Malaysia, aspek pengajaran kemahiran mendengar dalam Bahasa Arab masih kurang diberi penekanan yang sewajarnya, menjadikan ia antara kemahiran yang paling lemah dalam kalangan pelajar (Djabbarova, 2020).

Beberapa faktor telah dikenalpasti menyumbang kepada kelemahan ini, antaranya termasuklah kekurangan penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai (Babaei & Izadpanah, 2019), tahap motivasi pelajar yang rendah (Paranduk & Karisi, 2020), serta bahan dan persekitaran pembelajaran yang tidak menyokong kecekapan mendengar. Tambahan pula, gangguan daripada bahasa ibunda memberi kesan terhadap aspek sebutan, intonasi dan pemahaman pragmatik dalam Bahasa Arab (Suadiyatno, 2020; Nelu et al., 2021; Sabiq, 2020). Beban kognitif yang tinggi, digabungkan dengan kekeliruan antara sistem bahasa, menjadikan pemahaman terhadap input lisan Bahasa Arab lebih mencabar.

Realitinya, kemahiran mendengar masih sering dipinggirkan berbanding kemahiran menulis dalam pengajaran Bahasa Arab di sekolah, sekali gus menjejaskan pemerolehan bahasa secara menyeluruh (Gemilang & Listiana, 2020; Ismail & Yusoff, 2021; Salahuddin et al., 2021; Irfan et al., 2023). Walaupun penyelidik mencadangkan penggunaan bahan autentik dan aktiviti interaktif untuk meningkatkan penguasaan mendengar (Abugohar & Yunus, 2018; Ishaq, 2018), keberkesanan pendekatan ini sangat bergantung kepada penguasaan strategi metakognitif pelajar seperti perancangan, pemantauan, dan penilaian sendiri (Rohaniyah & Nasrullah, 2022; Ahmed, 2021). Kajian lepas menunjukkan strategi metakognitif berupaya

meningkatkan pencapaian pelajar (Dabbagh & Noshadi, 2014; Robillos & Bustos, 2022), namun kajian dalam konteks pendidikan Bahasa Arab masih terbatas (Banctiar, 2022). Maka, kertas konsep ini bertujuan untuk menghuraikan keperluan dan justifikasi pengintegrasian strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab, khususnya dalam sistem persekolahan menengah agama di Malaysia.

Sorotan Literatur

Penguasaan kemahiran mendengar merupakan asas penting dalam proses pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa tambahan di Malaysia, perkembangan kemahiran mendengar yang berkesan masih menjadi cabaran utama kepada para pelajar. Pelbagai kerangka teori dan dapatan kajian lepas telah menekankan peranan penting kemahiran mendengar serta kesan kesedaran metakognitif dalam mengoptimalkan hasil pemerolehan bahasa.

Terdapat enam perkara yang akan dibincangkan dalam tinjauan literatur ini. Pertama, definisi dan pemahaman teori berkaitan kemahiran mendengar Bahasa kedua/asing akan dihuraikan. Kedua, kepentingan dan cabaran dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab akan diperincikan. Ketiga, isu-isu dalam penguasaan kemahiran mendengar yang mendasari perkembangan kemahiran mendengar akan dianalisis. Keempat, konsep dan komponen kesedaran metakognitif dalam kemahiran mendengar akan diterangkan. Seterusnya dapatan kajian-kajian terdahulu yang menghubungkan kesedaran metakognitif dengan pencapaian kemahiran mendengar akan disintesis bagi membentuk asas kepada kajian ini. Akhir sekali, kerangka teori dijelaskan untuk membentuk kerangka konseptual dibentuk serta menjelaskan hubungannya dengan kajian ini.

Kemahiran Mendengar Bahasa Kedua/ Asing

Kemahiran mendengar merupakan antara komponen asas dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Menurut International Listening Association (1996), mendengar ditakrifkan sebagai kemahiran reseptif yang membolehkan seseorang memperoleh input maklumat daripada persekitaran sekeliling. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, kemahiran mendengar berfungsi sebagai pintu masuk utama kepada pemerolehan input linguistik sebelum diproses dalam minda pelajar untuk menghasilkan maklum balas, sama ada dalam bentuk lisan atau tindakan (Abdul Rahman & Baharudin, 2022 & 2024).

Dalam proses ini, pemahaman terhadap input bahasa bergantung kepada kebolehan pelajar untuk mendiskriminasikan bunyi, mengenali intonasi, memahami struktur bahasa serta mengaitkan maklumat dengan pengetahuan sedia ada (Mustapha, 2022). M. Khalilullah (2011) membahagikan kemahiran mendengar kepada dua kategori utama iaitu mendengar pasif dan mendengar aktif. Perkataan bahasa Arab (سمع) (dengar) merujuk kepada tindakan mendengar secara pasif, di mana pendengar sekadar menerima input tanpa fokus yang mendalam. Sebaliknya, (استماع) (mendengar) membawa maksud mendengar secara aktif, iaitu pendengar memberi tumpuan terhadap input, memprosesnya, dan menghasilkan maklum balas melalui pertuturan atau tindakan (Makrifah, 2020).

Teori behaviorisme, yang diasaskan oleh Skinner dan pengikutnya, menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa banyak bergantung kepada pendengaran secara berulang-ulang. Tingkah laku bahasa dikukuhkan melalui pelaziman rangsangan dan respons, menjadikan kemahiran mendengar sebagai faktor utama dalam membentuk kecekapan berbahasa (Mahmudi, 2016; Maulana Maslahul Adi, 2020). Sebaliknya, teori kognitif pula menekankan bahawa

pemerolehan kemahiran mendengar berlaku dalam persekitaran informal melalui pengaktifan Language Acquisition Device (LAD), seperti bagaimana seorang bayi mempelajari bahasa pertamanya secara semula jadi melalui pemerhatian terhadap pertuturan ahli keluarganya (Shahbana et al., 2020).

Seiring dengan perkembangan penyelidikan dalam bidang pembelajaran bahasa kedua, para sarjana seperti Goh dan Vandergrift (2021) serta Rost (2016) terus menegaskan bahawa kemahiran mendengar adalah komponen asas dalam penguasaan bahasa asing. Kegagalan dalam menguasai kemahiran ini mengakibatkan kelemahan dalam keseluruhan penguasaan bahasa (Namaziandost et al., 2019; Babaei & Izadpanah, 2019). Kajian lebih terkini turut menunjukkan bahawa kesedaran terhadap kepentingan mendengar masih rendah dalam kalangan pelajar bahasa kedua, menyumbang kepada pencapaian yang lemah (Ahmadi et al., 2018; Al-Malki, 2018; Nahar & Rosly, 2022).

Penemuan Landry (2018) dan Djabbarova (2020) mendedahkan bahawa terdapat tanggapan salah dalam kalangan pendidik bahawa kemahiran mendengar akan berkembang secara semula jadi seperti berjalan, sedangkan hakikatnya ia memerlukan latihan dan bimbingan terstruktur (Asadi, 2020; Nurhidayati et al., 2021). Oleh itu, penyediaan modul pembelajaran mendengar yang berstruktur dan berstrategi menjadi keperluan penting dalam menyokong pemerolehan kemahiran ini, khususnya dalam konteks bahasa Arab sebagai bahasa tambahan.

Kemahiran Mendengar Bahasa Arab

Kemahiran mendengar dalam bahasa Arab melibatkan proses kompleks yang mengintegrasikan pengetahuan linguistik dan bukan linguistik. Dari sudut linguistik, pelajar perlu menguasai unsur fonetik, leksikal, sintaksis, semantik, dan struktur wacana untuk memahami maklumat pendengaran dengan berkesan (Nik Yusoff et al., 2008). Sementara itu, dari aspek bukan linguistik, kefahaman terhadap tajuk perbualan, konteks situasi, latar budaya dan bentuk maklumat juga memainkan peranan penting dalam memastikan proses pendengaran menjadi efektif. Kefahaman terhadap kedua-dua aspek ini membolehkan pelajar bukan sahaja memahami secara literal, tetapi juga membuat inferens terhadap maklumat tersirat yang diterima semasa mendengar.

Nik Yusoff et al. (2008) telah menyenaraikan sub-sub kemahiran mendengar dalam bahasa Arab, yang meliputi kefahaman mengecam bunyi perkataan, kefahaman makna perkataan secara leksikal dan kontekstual, serta kefahaman makna teks secara literal dan inferensial. Sub kemahiran ini menggambarkan bahawa kemahiran mendengar bukan hanya berkisar kepada menerima bunyi semata-mata, tetapi melibatkan pemprosesan makna yang lebih mendalam. Struktur ini juga memperlihatkan persamaan antara kemahiran mendengar dan membaca, memandangkan kedua-duanya merupakan kemahiran reseptif dalam pemerolehan bahasa.

Jadual 1 menunjukkan sub kemahiran mendengar bahasa Arab. Sub-sub kemahiran mendengar ini selari dengan sub-sub bagi kemahiran membaca kecuali sub kemahiran mendengar yang pertama iaitu kefahaman terhadap pengecaman bunyi perkataan. Hal ini adalah kerana kedua-dua kemahiran ini iaitu kemahiran mendengar dan membaca merupakan kemahiran reseptif yang memberi input dalam proses pemerolehan bahasa.

Jadual 1: Sub-Sub Kemahiran Mendengar Bahasa Arab

Kemahiran	Sub Kemahiran
Kemahiran Mendengar	Kefahaman Mengecam Bunyi Perkataan
Makna Perkataan	Kefahaman Terhadap Makna Perkataan Secara Leksikal
	Kefahaman Terhadap Makna Perkataan Secara Kontekstual
Kemahiran Kefahaman Mendengar Makna Teks	Kefahaman Terhadap Makna Teks Secara <i>Literal</i>
	Kefahaman Terhadap Makna Teks Secara <i>Inferential</i>

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab diwajibkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), dan Kelas Aliran Agama (KAA) berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Arab (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2018). Walaupun kurikulum yang digunakan adalah seragam, perbezaan dari segi orientasi sekolah, persekitaran pembelajaran, dan budaya pelajar turut mempengaruhi pencapaian dalam kemahiran ini (Mohd Suib, 2020).

Latihan kemahiran mendengar dalam kurikulum dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu latihan mendengar secara berasingan dan latihan mendengar yang digabungkan dengan kemahiran lain seperti bertutur atau membaca (Mustapha, 2019). Walau bagaimanapun, analisis terhadap buku teks menunjukkan bahawa fokus yang lebih besar diberikan kepada kemahiran menulis, manakala latihan mendengar masih kurang ditekankan. Hal ini berpotensi mengurangkan peluang pelajar untuk memperkasa kemahiran mendengar mereka secara sistematik.

Pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab juga diiktiraf sebagai proses sepanjang hayat, bukan hanya terhad dalam bilik darjah (Hadzri et al., 2021). Pelajar disarankan untuk membina pengetahuan tentang strategi pembelajaran mendengar yang efektif sebelum menjalankan aktiviti pendengaran secara berterusan (Rhidwan, 2019). Ini kerana, hanya mendengar secara berulang tanpa strategi tidak menjamin pencapaian kefahaman yang optimum. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa tambahan di Malaysia, pembelajaran ini dikategorikan sebagai pembelajaran bahasa kedua yang memerlukan struktur formal untuk mengatasi kesukaran pemerolehan bahasa (Salehuddin, 2018; Rosli & Baharudin, 2022). Vandegrift et al. (2018) menekankan bahawa kejayaan dalam memahami struktur bahasa bergantung kepada strategi pembelajaran yang berkesan, termasuk dalam kemahiran mendengar.

Pentaksiran pencapaian pelajar dalam kemahiran mendengar dilakukan menggunakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan Tahap Penguasaan (TP) 1 hingga TP6 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2018), selain diselaraskan dengan standard antarabangsa melalui Rangka Kerja Rujukan Umum Eropah bagi Bahasa (CEFR). Dalam penilaian CEFR, tahap penguasaan kemahiran mendengar pelajar dinilai dari tahap A1 hingga C2, dengan fokus kepada kefahaman terhadap input berasaskan kelajuan, kejelasan artikulasi, dan kompleksiti wacana. Walaupun pentaksiran ini membantu menstrukturkan pencapaian pelajar, realitinya, pencapaian kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Malaysia masih

menghadapi banyak cabaran, terutamanya disebabkan oleh kekurangan pendekatan pedagogi yang khusus untuk latihan mendengar secara efektif. Kriteria penentuan TP pelajar bagi kemahiran mendengar adalah seperti berikut:

Jadual 2: Kriteria Tahap Pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab

Tahap Pencapaian	Kriteria
TP 1	Pelajar boleh menyebut perkataan, rangkai kata, ayat dan teks yang didengar dengan bimbingan guru.
TP 2	Pelajar boleh menyebut perkataan, rangkai kata, ayat dan teks yang didengar dengan sebutan, intonasi dan jeda dengan betul.
TP 3	Pelajar menggunakan perkataan, rangkai kata, ayat dan teks yang didengar secara lisan dalam situasi yang sesuai.
TP 4	Pelajar menggunakan perkataan, rangkai kata, ayat dan teks yang didengar secara lisan dalam situasi yang sesuai secara tersusun.
TP 5	Pelajar menggunakan perkataan, rangkai kata, ayat dan teks yang didengar secara lisan dalam situasi yang sesuai secara tersusun dan konsisten.
TP 6	Pelajar menggunakan perkataan, rangkai kata, ayat dan teks yang didengar secara lisan dalam situasi yang sesuai secara tersusun dan konsisten serta boleh dijadikan contoh kepada pelajar lain.

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM 2018

Walau bagaimanapun, tahap pencapaian kemahiran mendengar pelajar yang diukur menggunakan format penilaian CEFR. Selain itu, skor penilaian ini bersifat umum dan tidak bias kepada pemerhatian seseorang individu sahaja serta mengikut kepada standard penguasaan kemahiran mendengar yang telah digariskan dalam CEFR seperti yang terdapat dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Penguasaan Kemahiran Mendengar Mengikut Orientasi CEFR

Tahap Pencapaian	Kriteria
A1	Pelajar menerima input bahasa yang didengar dengan sangat perlahan dan diartikulasikan secara hati-hati, dengan jeda yang panjang. Pelajar memahami maksudnya, mengenali maklumat konkrit (contohnya tempat dan masa) mengenai topik-topik yang biasa dijumpai dalam kehidupan seharian. Input pendengaran disampaikan dengan perlahan dan jelas.
A2	Pelajar boleh memahami frasa dan ungkapan yang berkaitan dengan bidang keutamaan yang paling mendesak (contohnya, maklumat peribadi dan keluarga yang sangat asas, membeli-belah, geografi tempatan, pekerjaan) Input pendengaran disampaikan dengan perlahan dan jelas.

B1	Pelajar boleh memahami maklumat berbentuk fakta yang mudah difahami tentang topik harian yang biasa atau berkaitan dengan pekerjaan, mengenal pasti mesej umum dan butiran khusus, dengan syarat perbualan disampaikan dengan jelas dalam bahasa yang dikenali umum. Pelajar memahami perkara-perkara utama yang disampaikan dalam bahasa standard yang jelas atau dalam bahasa yang biasa dikenali tentang perkara-perkara biasa yang sering dihadapi di tempat kerja, sekolah, masa lapang, dan lain-lain, termasuk naratif pendek.
B2	Pelajar boleh memahami bahasa standard atau variasi biasa, secara langsung atau rakaman tentang topik biasa dan tidak biasa yang ditemui dalam kehidupan peribadi, sosial, akademik atau kerja. Penggunaan simpulan bahasa mempengaruhi keupayaan kefahaman. Pelajar juga memahami idea utama wacana proposisional dan kompleks linguistik mengenai topik konkrit dan abstrak yang disampaikan dalam bahasa standard atau variasi biasa. Input pendengaran termasuk perbincangan teknikal dalam bidang pengkhususan mereka sama ada dalam bentuk wacana yang panjang dan baris hujah yang kompleks, dengan syarat topiknya cukup biasa, dan mempunyai arah hujah ditanda dengan jelas.
C1	Pelajar boleh memahami wacana yang lebih panjang mengenai topik abstrak dan kompleks di luar bidang mereka sendiri. Pelajar perlu mengenali pelbagai ungkapan simpulan bahasa dan mengikuti wacana yang lebih panjang walaupun strukturnya tidak jelas dan apabila perhubungan hanya tersirat dan tidak ditanda secara eksplisit.
C2	Pelajar mudah memahami hampir semua jenis bahasa, sama ada secara langsung atau rakaman, yang disampaikan pada kelajuan semula jadi yang pantas.

Isu-Isu dalam Penguasaan Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merupakan asas penting dalam pemerolehan bahasa kedua, namun dalam pengajaran Bahasa Arab, ia sering kurang diberi penekanan dalam kurikulum dan bahan pengajaran (Gemilang & Listiana, 2020; Irfan et al., 2023; Hasan et al., 2020). Pelajar sukar menguasai kemahiran ini disebabkan kekurangan latihan sistematik, motivasi rendah, dan pengaruh gangguan bahasa ibunda serta faktor bukan linguistik seperti pendekatan pengajaran dan persekitaran (Akhsan & Muhammadiyah, 2022; Fahrurrozi, 2014; Jubaidah & Emzir, 2018; Zulharby et al., 2019). Tambahan pula, kandungan pengajaran yang tidak selaras dengan budaya pelajar turut menjadi penghalang dalam pembelajaran (Wafi et al., 2023).

Bagi menangani isu ini, pengajaran mendengar perlu diberi perhatian khusus dalam kurikulum, dengan penggunaan bahan autentik seperti klip audio dan video Bahasa Arab serta aktiviti yang menarik dan relevan (Salahuddin et al., 2021). Teknologi dan sumber digital juga dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan menjadikan pengalaman pembelajaran lebih kontekstual dan bermakna.

Keberkesanan input pendengaran dalam pembelajaran bahasa kedua bergantung kepada kualiti audio yang jelas dan terkawal. Gangguan seperti sebutan kabur, tempo terlalu laju, atau bunyi latar boleh meningkatkan beban kognitif, lalu menjejaskan kefahaman dan pemindahan maklumat ke ingatan jangka panjang (Alaga, 2016; Nkhi & Lebona, 2023; Rusmanayanti, 2021). Hal ini lebih mencabar apabila pelajar masih menyesuaikan diri dengan struktur fonologi dan sintaksis bahasa kedua (Harsa et al., 2020; Rohaniyah & Nasrullah, 2022). Oleh itu, bahan audio yang berkualiti tinggi dan mesra pembelajaran perlu menjadi keutamaan dalam pengajaran bahasa (Isaacs et al., 2017).

Tekanan kognitif semasa aktiviti mendengar turut dikenal pasti sebagai cabaran utama. Mahmoudi dan Hassan (2021) melaporkan bahawa pelajar menghadapi beban kognitif yang tinggi semasa mendengar bahan bahasa asing, terutamanya apabila bahan yang disampaikan terlalu kompleks atau kelajuannya terlalu tinggi. Keadaan ini menyebabkan pelajar cepat hilang fokus, sukar membuat inferens, dan akhirnya gagal memahami isi kandungan secara keseluruhan.

Kekurangan pengaplikasian strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran mendengar menjejaskan prestasi pelajar secara keseluruhan (Irfan et al., 2023). Ramai pelajar tidak dapat merancang, memantau, dan menilai pemahaman mereka semasa mendengar, menyebabkan penglibatan pasif dan prestasi yang lemah (Al-Kiyumi et al., 2021). Ketiadaan modul khusus dan bahan pengajaran yang menekankan strategi ini, terutamanya di sekolah menengah agama, membataskan pendedahan pelajar kepada teknik mendengar yang berkesan (Salahuddin et al., 2021).

Strategi metakognitif bukan sekadar pelengkap, tetapi asas penting dalam membina pelajar yang berdikari dan strategik. Pelajar yang dilatih secara eksplisit untuk mengenal pasti isi penting, menjangka kandungan, dan menilai input secara kritis akan lebih bersedia menghadapi cabaran pembelajaran bahasa Arab (Ahmed, 2021; Garba & Hassan, 2024; Riwanda et al., 2021). Sedangkan kajian global, seperti oleh Bourdeaud'hui, Vandergrift dan Lefrançois (2021), menunjukkan bahawa penggunaan modul berstruktur yang mengintegrasikan strategi metakognitif secara signifikan meningkatkan pencapaian mendengar pelajar.

Selain itu, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia diklasifikasikan sebagai pembelajaran bahasa tambahan (KPM, 2018), yang membawa implikasi bahawa pelajar memerlukan persekitaran pembelajaran formal dan latihan yang lebih sistematik untuk menguasai kemahiran mendengar. Rosli dan Baharudin (2022) menegaskan bahawa tanpa strategi pembelajaran aktif dan tanpa latihan berterusan dalam suasana penggunaan sebenar, pelajar bahasa tambahan berisiko besar untuk mengalami stagnasi dalam perkembangan kemahiran mendengar mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian semasa menunjukkan bahawa kelemahan dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab berpunca daripada kombinasi faktor dalaman (seperti kekurangan strategi metakognitif dan tekanan kognitif) dan faktor luaran (seperti kekurangan latihan dan input yang tidak berkualiti). Hal ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh pendekatan pengajaran mendengar dengan menekankan penguasaan strategi metakognitif dan memperbaiki bahan serta aktiviti yang berkaitan.

Kesedaran Metakognitif dalam Pembelajaran Mendengar

Kesedaran metakognitif merupakan elemen penting dalam memperkuat keberkesanan pembelajaran kemahiran mendengar dalam bahasa kedua atau asing. Istilah "metakognisi" diperkenalkan oleh Flavell (1979) merujuk kepada kesedaran seseorang tentang proses pemikiran dan strategi pembelajarannya sendiri. Menurut Flavell, terdapat dua komponen utama dalam metakognisi, iaitu pengetahuan tentang kognisi dan pengawalan terhadap kognisi. Pengetahuan tentang kognisi melibatkan kesedaran terhadap strategi, kemahiran dan sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas, manakala pengawalan kognisi merujuk kepada keupayaan individu dalam merancang, memantau, dan menilai pemprosesan maklumat secara aktif (Schraw & Moshman, 1995).

Dalam konteks kemahiran mendengar, kesedaran metakognitif bermaksud pelajar bukan sahaja mendengar secara pasif, tetapi aktif merancang strategi sebelum mendengar, memantau pemahaman semasa mendengar, dan menilai keberkesanan selepas mendengar. Vandergrift et al. (2006) memperincikan model kesedaran metakognitif untuk kemahiran mendengar, yang dibahagikan kepada dua komponen besar iaitu pengetahuan metakognitif dan strategi metakognitif. Pengetahuan metakognitif merangkumi kesedaran tentang diri sebagai pendengar, tugas mendengar yang dihadapi, dan strategi mendengar yang sesuai, manakala strategi metakognitif pula melibatkan perancangan, pemantauan, penilaian, inferens, dan penyelesaian masalah sepanjang proses mendengar.

Kajian semasa membuktikan bahawa pelajar yang memiliki kesedaran metakognitif yang tinggi dalam mendengar menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam memahami input bahasa. Savitri dan Anam (2018) dalam kajian mereka ke atas pelajar universiti mendapati bahawa kesedaran metakognitif meningkatkan keupayaan pelajar mengaplikasikan strategi mendengar secara berkesan, sekaligus meningkatkan pencapaian mereka. Begitu juga dapatan Bourdeaud'hui, Vandergrift dan Lefrançois (2021) yang menunjukkan bahawa penguasaan strategi metakognitif berfungsi sebagai peramal kuat terhadap kejayaan dalam tugas mendengar bahasa asing.

Kajian Chon dan Shin (2019) mendapati bahawa pelajar yang mengamalkan perancangan sebelum mendengar dan pemantauan semasa mendengar mampu memahami bahan audio yang kompleks dengan lebih berkesan berbanding pelajar yang tidak mengamalkan strategi tersebut. Kajian menunjukkan hubungan positif antara penggunaan strategi mendengar metakognitif dan pencapaian pelajar (Entoh & Jerry, 2019), namun pengaplikasiannya dalam pengajaran Bahasa Arab masih terbatas (Sarwar & Wahad, 2018). Metakognisi merangkumi keupayaan pelajar untuk merancang, memantau, dan menilai pemahaman mereka secara aktif, termasuk strategi seperti jangkaan makna dan penggunaan petunjuk konteks (Faridah et al., 2022). Secara keseluruhan, kesedaran metakognitif bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kawalan semasa mendengar, tetapi juga sebagai alat peningkatan keupayaan diri dalam mengurus input bahasa secara lebih strategik dan berkesan. Model teori Flavell (1979) dan adaptasi model Vandergrift et al. (2006) menjadi asas kepada kerangka konseptual dalam mengkaji hubungan antara kesedaran metakognitif dan pencapaian kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar bahasa Arab.

Kesedaran Metakognitif dalam Pembelajaran Mendengar

Kesedaran metakognitif merupakan elemen penting dalam memperkuat keberkesanan pembelajaran kemahiran mendengar dalam bahasa kedua atau asing. Istilah "metakognisi" diperkenalkan oleh Flavell (1979) merujuk kepada kesedaran seseorang tentang proses

pemikiran dan strategi pembelajarannya sendiri. Menurut Flavell, terdapat dua komponen utama dalam metakognisi, iaitu pengetahuan tentang kognisi dan pengawalan terhadap kognisi. Pengetahuan tentang kognisi melibatkan kesedaran terhadap strategi, kemahiran dan sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas, manakala pengawalan kognisi merujuk kepada keupayaan individu dalam merancang, memantau, dan menilai pemprosesan maklumat secara aktif (Schraw & Moshman, 1995).

Dalam konteks kemahiran mendengar, kesedaran metakognitif bermaksud pelajar bukan sahaja mendengar secara pasif, tetapi aktif merancang strategi sebelum mendengar, memantau pemahaman semasa mendengar, dan menilai keberkesanan selepas mendengar. Vandergrift et al. (2006) memperincikan model kesedaran metakognitif untuk kemahiran mendengar, yang dibahagikan kepada dua komponen besar iaitu pengetahuan metakognitif dan strategi metakognitif. Pengetahuan metakognitif merangkumi kesedaran tentang diri sebagai pendengar, tugas mendengar yang dihadapi, dan strategi mendengar yang sesuai, manakala strategi metakognitif pula melibatkan perancangan, pemantauan, penilaian, inferens, dan penyelesaian masalah sepanjang proses mendengar.

Kajian semasa membuktikan bahawa pelajar yang memiliki kesedaran metakognitif yang tinggi dalam mendengar menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam memahami input bahasa. Savitri dan Anam (2018) dalam kajian mereka ke atas pelajar universiti mendapati bahawa kesedaran metakognitif meningkatkan keupayaan pelajar mengaplikasikan strategi mendengar secara berkesan, sekaligus meningkatkan pencapaian mereka. Begitu juga dapatan Bourdeaud'hui, Vandergrift dan Lefrançois (2021) yang menunjukkan bahawa penguasaan strategi metakognitif berfungsi sebagai peramal kuat terhadap kejayaan dalam tugas mendengar bahasa asing.

Kajian Chon dan Shin (2019) mendapati bahawa pelajar yang mengamalkan perancangan sebelum mendengar dan pemantauan semasa mendengar mampu memahami bahan audio yang kompleks dengan lebih berkesan berbanding pelajar yang tidak mengamalkan strategi tersebut. Kajian terkini oleh Chen (2019) juga menyokong dapatan ini, apabila didapati bahawa penguasaan lima aspek strategi mendengar yang diukur melalui MALQ (Metacognitive Awareness Listening Questionnaire) memperlihatkan korelasi positif yang kuat terhadap skor pencapaian mendengar pelajar.



Rajah 1: Komponen Kesedaran Metakognitif Kemahiran Mendengar oleh Vandergrift et al., (2008)

Dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia, pengaplikasian kesedaran metakognitif dalam kemahiran mendengar masih belum sepenuhnya diterapkan dalam amalan pedagogi. Ini membuktikan adanya keperluan mendesak untuk memperkenalkan latihan strategi metakognitif dalam pembelajaran mendengar bahasa Arab agar pelajar dapat membina autonomi pembelajaran yang lebih tinggi dan berdaya saing di peringkat global.

Secara keseluruhan, kesedaran metakognitif bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kawalan semasa mendengar, tetapi juga sebagai alat peningkatan keupayaan diri dalam mengurus input bahasa secara lebih strategik dan berkesan. Model teori Flavell (1979) dan adaptasi model Vandergrift et al. (2006) menjadi asas kepada kerangka konseptual dalam mengkaji hubungan antara kesedaran metakognitif dan pencapaian kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar bahasa Arab.

Penemuan Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas mengenai kemahiran mendengar dan kesedaran metakognitif dalam pembelajaran bahasa kedua menunjukkan tren yang konsisten mengenai hubungan positif antara kedua-dua pembolehubah ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian terdahulu memperlihatkan bahawa kemahiran mendengar merupakan komponen penting yang menentukan kejayaan dalam pemerolehan bahasa kedua, dan tahap kesedaran metakognitif pelajar memainkan peranan besar dalam mengoptimumkan pembelajaran kemahiran ini.

Strategi metakognitif terbukti berkesan dalam meningkatkan pencapaian mendengar bahasa kedua, dengan pelajar yang menguasainya menunjukkan prestasi dan keyakinan yang lebih tinggi (Ahmadi et al., 2013; Abdul & Maat, 2019; Dabbagh & Noshadi, 2014). Kajian turut mendapati bahawa kesemua aspek dalam MALQ berkait positif dengan pencapaian mendengar (Chen, 2019), dan pendedahan kepada strategi seperti inferens memperkukuh kefahaman terhadap input audio kompleks (Bourdeaud'hui et al., 2021). Ini mengukuhkan kepentingan pengajaran eksplisit strategi metakognitif dalam membina pelajar yang lebih cekap dan berdikari.

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, kurangnya penekanan terhadap strategi metakognitif dikenal pasti sebagai punca utama kelemahan pelajar dalam kemahiran mendengar, khususnya di sekolah menengah agama di Malaysia (Gemilang & Listiana, 2020; Daud et al., 2020). Tanpa intervensi yang sesuai, pelajar mudah hilang fokus dan gagal memahami input lisan yang kompleks (Arima et al., 2022), sedangkan kemahiran seperti merancang, memantau, dan menilai proses kognitif amat penting dalam meningkatkan pemahaman bahasa (Irfan et al., 2023). Keberkesanan pengajaran pula bergantung kepada perancangan kurikulum yang holistik, metodologi inovatif, serta bimbingan guru yang mantap (Choiriyah, 2021; Akhsan & Muhammadiyah, 2022). Kurikulum bahasa Arab perlu menyepadukan strategi metakognitif secara eksplisit agar pelajar lebih sedar sendiri dan berdikari dalam pembelajaran. Dalam hal ini, penggunaan metode seperti al-Miftah Lil Ulum dan kemahiran linguistik lain seperti membaca dan menulis harus diberi perhatian bersama latihan teknikal dan bahan yang sesuai (Ismail & Yusoff, 2021; Wijaya & Kholifah, 2023).


Namun begitu, terdapat juga beberapa penemuan yang menunjukkan perlunya perhatian terhadap faktor lain yang berperanan dalam pembelajaran mendengar. Sebagai contoh, Mahmoudi dan Hassan (2021) menegaskan bahawa selain kesedaran metakognitif, faktor seperti beban kognitif pelajar dan kualiti input pendengaran turut mempengaruhi keberkesanan pemerolehan kemahiran mendengar. Ini bermaksud, pendekatan holistik yang bukan sahaja

membangunkan kesedaran metakognitif, tetapi juga memperbaiki reka bentuk bahan pengajaran perlu diambil kira dalam membangunkan program kemahiran mendengar yang berkesan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran metakognitif bukan sahaja mempengaruhi keberkesanan pembelajaran kemahiran mendengar, malah berpotensi menjadi peramal kejayaan dalam penguasaan bahasa kedua secara keseluruhan. Walaupun banyak bukti telah dikemukakan, namun dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa tambahan, kajian spesifik tentang kesedaran metakognitif pelajar masih kurang, khususnya di peringkat sekolah menengah agama di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompangan tersebut dan menyumbang kepada pembangunan strategi pembelajaran mendengar yang lebih berkesan untuk pelajar bahasa Arab.

Kerangka Teori dan Hubungan dengan Kajian Ini

Kajian ini berasaskan dua teori utama yang saling melengkapi dalam membentuk asas konseptualnya, iaitu Teori Metakognitif oleh Flavell (1979) dan Model Kesedaran Metakognitif dalam Kemahiran Mendengar oleh Vandergrift et al. (2006). Kedua-dua teori ini digunakan untuk menjelaskan bagaimana kesedaran metakognitif memberi pengaruh terhadap pencapaian dalam kemahiran mendengar bahasa Arab.



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian Teori Metakognitif (Flavell,1979) Yang Mendasari Model Kesedaran Metakognitif(Vandegrift et al., 2006)

Teori Metakognitif yang diperkenalkan oleh Flavell (1979) mendefinisikan metakognisi sebagai pengetahuan dan pengawalan individu terhadap proses kognitifnya sendiri. Flavell membahagikan metakognisi kepada dua komponen utama iaitu pengetahuan kognitif (knowledge of cognition) dan pengawalan kognitif (regulation of cognition). Pengetahuan kognitif melibatkan kesedaran seseorang tentang strategi pembelajaran yang berkesan, sifat tugas pembelajaran, dan keupayaan diri sendiri sebagai pelajar. Manakala, pengawalan kognitif pula merujuk kepada kebolehan individu untuk merancang, memantau, dan menilai keberkesanan strategi semasa menjalankan tugas pembelajaran (Schraw & Moshman, 1995).

Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, khususnya kemahiran mendengar, konsep ini dikembangkan lagi oleh Vandergrift et al. (2006) melalui Model Kesedaran Metakognitif dalam Kemahiran Mendengar. Model ini memperincikan bahawa kejayaan dalam mendengar bukan sahaja bergantung kepada keupayaan bahasa pelajar, tetapi juga kepada kesedaran mereka

terhadap bagaimana mendengar secara strategik. Vandergrift membahagikan kesedaran ini kepada dua komponen: pengetahuan metakognitif dan strategi metakognitif. Strategi ini meliputi aspek seperti perancangan sebelum mendengar, pemantauan semasa mendengar, membuat inferens, menilai kefahaman selepas mendengar, dan menyelesaikan masalah apabila berlaku kekeliruan.

Hubungan antara kedua-dua teori ini dan kajian semasa terletak pada fokus utama untuk mengkaji hubungan antara tahap kesedaran metakognitif pelajar dan pencapaian mereka dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Kajian ini berpandukan premis bahawa pelajar yang memiliki kesedaran yang tinggi terhadap strategi mendengar mereka akan lebih berjaya mengawal, menilai, dan menyesuaikan proses pembelajaran mereka, seterusnya mencapai prestasi mendengar yang lebih tinggi. Dapatan kajian lepas seperti yang dilaporkan oleh Chen (2023), Bourdeaud'hui, Vandergrift dan Lefrançois (2021), serta Savitri dan Anam (2018) turut mengesahkan bahawa kesedaran metakognitif berperanan penting dalam meningkatkan pencapaian pendengaran pelajar dalam bahasa kedua.

Dengan mengambil kedua-dua teori ini sebagai asas, kajian ini dibina untuk mengkaji secara empirikal hubungan antara kesedaran metakognitif pelajar dan tahap pencapaian mereka dalam kemahiran mendengar bahasa Arab, dengan mengambil kira faktor-faktor lain seperti tekanan kognitif dan kualiti input pendengaran yang mungkin menjadi pemboleh ubah penyederhanaan.

Perancangan Metodologi

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas bagi menilai hubungan antara kesedaran metakognitif dan pencapaian kemahiran mendengar Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di sekolah SBPI, SMKA dan SMK (KAA) di Johor. Sampel dipilih melalui teknik pensampelan rawak berstrata berkadaran, dengan pengesahan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri. Data dikumpul melalui soal selidik dan ujian mendengar yang dibina berdasarkan MALQ (Vandergrift et al., 2006) dan format Goethe-Zertifikat A2 mengikut kerangka CEFR. Instrumen melalui pengesahan pakar dan kajian rintis, dengan jangkaan kebolehpercayaan tinggi ($\alpha = 0.91$). Proses kutipan data dilaksanakan secara dalam talian dan manual, dengan persetujuan pelajar diperoleh melalui borang consent. Cabaran seperti respons rendah dan data tidak lengkap diatasi dengan bantuan guru penyelaras serta saringan data.

Data dianalisis menggunakan SPSS versi 23 melibatkan statistik deskriptif (min, sisihan piawai, kekerapan) serta inferensi menggunakan Ujian Korelasi Pearson dan Regresi Linier Mudah bagi menentukan hubungan dan keupayaan ramalan antara pemboleh ubah. Keseluruhan prosedur mematuhi etika penyelidikan, termasuk jaminan kerahsiaan data dan penyimpanan selamat. Kajian ini bertujuan memberi gambaran menyeluruh tentang peranan strategi metakognitif dalam memperkukuh kemahiran mendengar pelajar Bahasa Arab serta menyediakan asas kepada pembangunan intervensi pedagogi berasaskan data.

Kesimpulan

Kajian ini mengemukakan satu konsep penting dalam bidang pengajaran bahasa kedua, khususnya dalam memperkukuh kemahiran mendengar bahasa Arab melalui pembangunan kesedaran metakognitif. Berdasarkan tinjauan literatur dan kerangka teori yang telah diuraikan, dapat dirumuskan bahawa kesedaran metakognitif memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan kecekapan pelajar dalam kemahiran mendengar. Model kesedaran metakognitif yang dikemukakan oleh Vandergrift et al. (2006) dan teori asas yang

dikembangkan oleh Flavell (1979) menjadi asas kepada pemahaman bagaimana strategi metakognitif boleh dioptimumkan dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa tambahan. Kajian ini juga menggariskan cabaran-cabaran dalam penguasaan kemahiran mendengar serta keperluan mendesak untuk memperkukuh pendekatan pedagogi yang mengambil kira strategi pembelajaran aktif dan pembangunan kesedaran pelajar terhadap proses kognitif mereka sendiri. Melalui penggunaan instrumen soal selidik yang telah diadaptasi dan disahkan, kajian ini diharapkan dapat memberikan data empirikal yang sahih dalam menilai hubungan antara kesedaran metakognitif dan pencapaian kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. Secara keseluruhannya, konsep dan metodologi yang dikemukakan dalam kajian ini diharapkan bukan sahaja dapat menyumbang kepada pembangunan teori dalam bidang pengajaran bahasa kedua, tetapi juga memberi implikasi praktikal dalam reka bentuk kurikulum dan strategi pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut yang lebih mendalam dalam usaha memperkasa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia melalui pengaplikasian strategi metakognitif yang berkesan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia serta Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas pembiayaan melalui Geran GG2024-039, yang menjadi tunjang utama dalam menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, F., & Baharudin, H. (2024). Kesedaran Metakognitif dalam Kemahiran Mendengar Bahasa Arab. Penerbit UKM.
- Abdul Rahman, N. F., & Baharudin, H. (2022). Pendengaran aktif dalam penguasaan komunikasi bahasa Arab. *Pendengaran Aktif Dalam Penguasaan Komunikasi Bahasa Arab*, 117–126.
- Abdul, N. S. (2019). Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Master Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul, S., & Maat, S. M. (2019). Hubungan strategi metakognitif dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 15–28.
- Abugohar, M. A., & Yunus, K. (2018). Difficulties Encountered by Arab Students in Pronouncing English Correctly. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(4), 93. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.6n.4p.93>
- Akhsan, A., & Muhammadiyah, A. (2022). Analisis Terhadap Motivasi Belajar Siswa Pada Pembelajaran Bahasa Arab Di Mts-Nu Al-Islamiyah Asembagus Menurut Teori Mc Clelland. *Lahjah Arabiyah Jurnal Bahasa Arab Dan Pendidikan Bahasa Arab*, 3(2), 132. <https://doi.org/10.35316/lahjah.v3i2.132-138>
- Ahmed, Md. K. (2021). Teaching Listening Among Bangladeshi Learners: A Case Study On Teachers' Effective Feedback And Students' Situational Impressions. *American International Journal of Social Science Research*, 45. <https://doi.org/10.46281/aijssr.v9i1.1432>
- Ahmadi, S. M., Rahimi, M., & Bahrami, S. (2020). The impact of listening strategies on EFL learners' listening comprehension. *Cogent Education*, 7(1), 1–19.
- Alaga, N. A. C. (2016). ESL Learners' English Pronunciation Errors: A Systematic Error rather than Accidental. *Journal of English Language and Literature*, 6(2), 464. <https://doi.org/10.17722/jell.v6i2.167>

- Al-Kiyumi, O., Seyabi, F. A., & Hassan, A. H. (2021). An Empirical Study on the Effect of Instruction on Metacognitive Strategies on EFL Reading Comprehension: The Case of Foundation-Level Students in Oman. *International Education Studies*, 14(8), 30. <https://doi.org/10.5539/ies.v14n8p30>
- Al-Malki, A. M. (2018). The impact of listening strategies instruction on EFL learners' listening comprehension. *Journal of Language Teaching and Research*, 9(5), 1065–1073.
- Arima, M., Amaliyah, N., Abustang, P., & Alam, S. (2022). Pengaruh Literasi Digital Terhadap Hasil Belajar Siswa Sekolah Dasar Kota Makassar: Bahasa Indonesia Dan Bahasa Inggris. *Pendas Mahakam : Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Sekolah Dasar*, 6(2), 105–110. <https://doi.org/10.24903/pm.v6i2.818>
- Asadi, M. (2020). The role of input enhancement in listening comprehension. *International Journal of English Language and Translation Studies*, 8(1), 24–31.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Arab. Putrajaya: KPM.
- Babaei, H., & Izadpanah, S. (2019). The effect of metacognitive listening strategy instruction on listening performance and metacognitive awareness. *International Journal of Instruction*, 12(2), 1–16.
- Bourdeaud'hui, H., Vandergrift, L., & Lefrançois, D. (2021). Metacognitive instruction and listening skills: A longitudinal study. *Language Teaching Research*, 25(5), 647–669.
- Chen, C. W. (2019). Guided listening with listening journals and curated materials: a metacognitive approach. *Innovation in Language Learning and Teaching*, 13(2), 133–146. <https://doi.org/10.1080/17501229.2017.1381104>
- Choiriyah, S. (2021). Effectiveness of Problem Based Learning to Improve The Results of Learning Indonesian Language. *Social Humanities and Educational Studies (SHEs) Conference Series*, 3(4), 132. <https://doi.org/10.20961/shes.v3i4.53296>
- Chon, Y. V., & Shin, D. (2019). The effect of metacognitive strategies on L2 listening comprehension. *TESOL Quarterly*, 53(3), 744–770.
- Dabbagh, A., & Noshadi, N. (2014). The effect of metacognitive instruction on the listening performance of EFL learners. *International Journal of Language Learning and Applied Linguistics World*, 5(3), 446–462.
- Daud, W. A. A. W., Teck, W. K., Ghani, M. T. A., & Ramli, S. (2020). M-Learning Boost Students' Motivation in Learning Arabic Language Proficiency for Elementary Level. *Universal Journal of Educational Research*, 8(10), 4384. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081004>
- Djabbarova, S. (2020). Listening comprehension difficulties and strategies used by students. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis*, 3(5), 789–793.
- Entoh, H., & Jerry, Mohd. K. A. (2019). THE INFLUENCE OF EFFICACY ON METACOGNITION AWARENESS AMONG PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN THE ISLAND ZONE. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 187. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4310016>
- Eva Savitri, D., & Anam, S. (2018). The relationship between metacognitive awareness and listening comprehension achievement. *International Journal of Education and Research*, 6(5), 119–130.
- Fahrurrozi, A. (2014). Pembelajaran Bahasa Arab : Problematika Dan Solusinya. *Arabiyat Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 1(2). <https://doi.org/10.15408/a.v1i2.1137>

- Faridah, F., Setyaningrum, R. R., & Falakha, E. N. (2022). Metacognitive strategy to enhance students' reading text-ability: case study in the vocational high school. *Journal of Applied Studies in Language*, 6(2), 199. <https://doi.org/10.31940/jasl.v6i2.646>.
- Flavell, J. H. (1979). Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive–developmental inquiry. *American Psychologist*, 34(10), 906–911.
- Garba, M. A., & Hassan, A. R. (2024). Use of AI in Learning Arabic Language by Non-Arabic Speakers. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 2519. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.8080191>
- Gemilang, D., & Listiana, H. (2020). Teaching Media in the Teaching of Arabic Language/ Media Pembelajaran dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *ATHLA Journal of Arabic Teaching Linguistic and Literature*, 1(1), 49. <https://doi.org/10.22515/athla.v1i1.3048>
- Goh, C. C. M. (2017). *Teaching listening in the language classroom*. Routledge.
- Goh, C. C. M., & Vandergrift, L. (2021). *Teaching and learning second language listening: Metacognition in action*. Routledge.
- Harsa, W. P., Saragih, A., & Husein, R. (2020). The Effect of Audio Visual and Audio Teaching Media on the Student's Listening Achievement. *Proceedings of the 5th Annual International Seminar on Transformative Education and Educational Leadership (AISTEEL 2020)*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201124.065>
- Hasan, N. H. M., Romli, T. R. M., & Basir, M. N. (2020). Analisis Terjemahan Kata Nama Khas Melayu-Arab Dalam Novel 'Al-Ustaz' [An Analysis Of Translation Malay-Arabic Proper Noun In 'Al-Ustaz' Novel]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 135. <https://doi.org/10.33306/mjssh/88>
- Hernanda, V A., Azzahra, A. Y ., & Alfarisy, F. . (2022). Pengaruh Penerapan Bahasa Asing dalam Kinerja Pendidikan. *Jurnal Indonesia Sosial Sains*, 3(01), 88–95. <https://doi.org/10.59141/jiss.v3i01.514>
- International Listening Association. (1996). *Listening competency standards*. International Listening Association Press.
- Irfan, I., Hidayat, N., Iskandar, R., Oktavia, L., Huda, N., & Rizki, A. (2023). Analysis Of Language Acquisition in The Qur'an Psycholinguistic Perspectives in Education. *At-Tafkir*, 16(1), 29. <https://doi.org/10.32505/at.v16i1.5705>
- Ishaq, R. K. M. (2018). English Education Reform in Arab World. *US-China Foreign Language*, 16(3). <https://doi.org/10.17265/1539-8080/2018.03.003>
- Ismail, M. F., & Yusoff, N. M. R. N. (2021). Language Learning Strategies And Readability Of Form Four KBD Arabic Textbooks. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 4(3). <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v4i3.12227>
- Isaacs, T., Trofimovich, P., & Foote, J. A. (2017). Developing a user-oriented second language comprehensibility scale for English-medium universities. *Language Testing*, 35(2), 193. <https://doi.org/10.1177/0265532217703433>
- Jubaidah, S., & Emzir, E. (2018). At Darunnajah Islamic Boarding School Jakarta (An Ethnography Study). <https://doi.org/10.2991/aecon-18.2018.38>
- Khuroidah, L. A., & Saputra, S. D. (2022). Implementasi Unsur-Unsur Penyusunan Kurikulum Terhadap Pengembangan Kurikulum Pendidikan Bahasa Arab Daring. *Al Mi Yar Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 5(1), 23. <https://doi.org/10.35931/Am.V5i1.884>
- Maimun, E. K., & Maulani, H. (2022). Analysis of Learning Problems Bahasa Arab Peminatan for Class XII Students of Religious Programs. *ALSUNA Journal of Arabic and English Language*, 5(2), 129. <https://doi.org/10.31538/alsuna.v5i2.2783>
- Makrifah, M. (2020). Developing active listening skills: Analysis of Arabic listening activities. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 7(2), 212–224.

- Maulana Maslahul Adi. (2020). Behaviorism theory and its application in language learning. *Linguistic Journal*, 8(2), 123–135.
- Mohd Suib, S. S. (2020). Pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah Malaysia: Analisis pendekatan dan amalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 10(2), 32–46.
- Mustapha, M. R. (2019). An analysis of Arabic language textbooks: A focus on listening skills. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 45–55.
- Namaziandost, E., Abedi, M. R., & Nasri, M. (2019). The role of metacognitive listening strategy instruction in listening comprehension and metacognitive awareness. *Cogent Education*, 6(1), 1–19.
- Nahar, N., & Rosly, M. F. (2022). A study on Arabic listening skills among Malaysian students. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 6(2), 28–41.
- Nik Yusoff, N. H. (2004). *Pendekatan Fungsionalis dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Penerbit UKM.
- Nik Yusoff, N. H., et al. (2008). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nkhi, S. E., & Lebona, T. V. (2023). Challenges Encountered by ESL Students in The Development of Communicative Competence Skills in Lesotho. *International Journal of Language and Literary Studies*, 5(2). <https://doi.org/10.36892/ijlls.v5i2.1229>
- Nurhidayati, N., Al Fajri, M. S., & Murtadho, N. (2021). Developing Arabic listening modules for EFL learners. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 8(1), 1–17.
- Rhidwan, M. (2019). Strategi efektif dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. *Jurnal Bahasa Arab*, 9(1), 77–90.
- Riwanda, A., Ridha, M., & Islamy, M. I. (2021). Digital Material EPUB Based to Understand Tarkib: Is Flipped Classroom Effective? *Jurnal Al Bayan Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 13(1), 1. <https://doi.org/10.24042/albayan.v13i1.6143>
- Rohaniyah, J & Nasrullah. (2021) The Issue In Assessing Listening: What Listening Aspect May Be Problematic Assessed Trough The Utilization Of Technology. *International Journal of English Education and Linguistics (IJoEEL)*, 3 (2), 84-89.
- Rosli, R., & Baharudin, H. (2022). Strategi pembelajaran bahasa tambahan: Cabaran dan penyelesaian. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 33–44.
- Rusmanayanti, A (2021). The Use of Audiobooks as Part of Digital Literacies in Indonesian Students' Perception, in: *Proceedings of the 2nd International Conference on Education, Language, Literature, and Arts (ICELLA 2021)*, vol. 587, 2021, pp. 20-29.
- Salahuddin, H., Fauzi, Moh. F., & Mauludiyah, L. (2021). Effectiveness of Arabic Video Animation in Improving the Mastery of Arabic Vocabulary for Students of Islamic Junior School. *International Journal of Arabic Language Teaching*, 2(2), 149. <https://doi.org/10.32332/ijalt.v2i02.2499>
- Sarwar, A. Q., & Wahad, M. A. (2018). A Study on the Relationship between English Language Proficiency and Intercultural Communication Competence among Arab Students in Malaysia. *Arab World English Journal*, 9(1), 419. <https://doi.org/10.24093/awej/vol9no1.29>
- Syafei, I., & Syukriya, A. U. (2020). The Use of Creative Board Media in Improving Arabic Writing Skills. *Jurnal Al Bayan Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 12(1), 58. <https://doi.org/10.24042/albayan.v12i1.5757>
- Schraw, G., & Moshman, D. (1995). Metacognitive theories. *Educational Psychology Review*, 7(4), 351–371.

- Vandergrift, L., Goh, C. C. M., Mareschal, C. J., & Tafaghodtari, M. H. (2006). The Metacognitive Awareness Listening Questionnaire (MALQ): Development and validation. *Language Learning*, 56(3), 431–462.
- Vandegrift, L., Mareschal, C., & Tafaghodtari, M. (2018). Developing second language listening proficiency: The role of metacognitive instruction. *The Modern Language Journal*, 102(3), 518–537.
- Wafi, H., Hidayati, N., Hakim, F. R., & Muhajir, M. (2023). Kesalahan dan Interferensi Bahasa Pada Buku Ajar Bahasa Arab Madrasah Tsanawiyah. *Arabi Journal of Arabic Studies*, 8(1), 95. <https://doi.org/10.24865/ajas.v8i1.554>
- Wijaya, M., & Kholifah, A. (2023). Kesalahan Penulisan Bahasa Arab dalam Pembelajaran Imla' bagi Siswa Kelas IV Madrasah Ibtida'iyah. *Jurnal Educatio FKIP UNMA*, 9(2), 956. <https://doi.org/10.31949/educatio.v9i2.4887>
- Wolf, D., Tergujeff, E., & Dufva, H. (2019). Investigating listening comprehension in L2 classrooms: Issues and implications. *Language Teaching Research*, 23(5), 543–561.
- Zulharby, P., Rasyid, Y., & Nuruddin, N. (2019). The Characteristics of Teaching Material Arabic Speaking Skills in Higher Education. *Jurnal Al Bayan Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 11(2), 194. <https://doi.org/10.24042/albayan.v11i2.5175>